

Pertanian Lubuk Rezeki Koperasi Luar Bandar: **Sri Lovely Pencetus Pertanian Organik**

Yusnita Othman

Maktab Koperasi Malaysia
Cawangan Utara



Logo SRI Lovely

Pengenalan

Keindahan panorama alam semula jadi di SRI Lovely sememangnya memukau pandangan sesiapa sahaja yang mengunjunginya. SRI Lovely adalah singkatan kepada *System of Rice Intensification, Lintang Organic Valley* yang merupakan sebuah kawasan penanaman padi organik di Kampung Lintang yang terletak di daerah Sik, Kedah. Ironinya, tiada siapa menyangka sebuah kawasan tanah terbiar dan tidak produktif lebih 30 tahun yang lalu kini berubah wajah menjadi sebuah kawasan penanaman padi organik yang berjaya.

Apa yang menarik untuk dikongsi adalah di sebalik kewujudan SRI Lovely ini, terletaknya sebuah koperasi yang dinamakan sebagai Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. Usaha gigih Encik Zakaria Kamantasha selaku Pengerusi Koperasi bersama-sama dengan pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) sememangnya berhasil kerana penuaian pertama

padi organik menunjukkan hasil yang cukup memberangsangkan. Ini dibuktikan dengan analisis pengeluaran hasil padi organik tersebut yang menunjukkan potensi hasil padi organik yang ditanam pada jarak 30cm x 30cm ialah 4.6 tan sehektar manakala padi organik yang ditanam pada jarak 35cm x 35cm adalah 12 tan sehektar. Pencapaian ini adalah melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) iaitu 3.8 tan sehektar. Secara puratanya, peningkatan ini melebihi dua hingga tiga kali ganda hasil padi berbanding dengan kaedah konvensional.

Walaupun penanaman padi secara organik mampu meningkatkan hasil padi dan hasil yang diperoleh juga lebih berkualiti serta bebas daripada kandungan racun yang berbahaya, namun sistem perladangan padi secara organik masih lagi kurang mendapat sambutan dalam kalangan petani khususnya di Malaysia. Oleh yang demikian, penanaman padi organik di SRI Lovely dapat dijadikan contoh kejayaan dan tempat



Antara rombongan yang berkunjung ke Sri Lovely

rujukan kepada semua pihak yang berminat untuk mengusahakan penanaman padi organik khususnya menggunakan kaedah *System of Rice Intensification* (SRI). Sehingga kini, usaha penanaman padi organik di Sri Lovely ini telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak seperti MARDI, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), Jabatan Pertanian, Institusi Pengajian Tinggi serta para petani sendiri dari dalam mahupun luar negara.

Peranan Koperasi

Koperasi Agro Belantik Sik Bhd ditubuhkan pada 24 Disember 2009 dengan aktiviti utamanya adalah pertanian. Anggota koperasi adalah seramai 56 orang yang terdiri daripada penduduk kampung dari enam buah kampung iaitu Kampung Lintang, Kampung Kubang, Kampung Surau, Kampung Pinang, Kampung Bukit Batu, Kampung Belantik Dalam dan Kampung Belantik Luar. Kebanyakan penduduk kampung mencari nafkah dengan bekerja sebagai petani dan salah satu aktiviti pertanian yang diusahakan adalah menanam padi.

Pada awalnya, penduduk kampung mengusahakan sawah secara kecil-kecilan, namun aktiviti itu terhenti disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi termasuklah ketiadaan infrastruktur yang baik dan kekurangan sumber kewangan. Ekoran itu, tanah tersebut telah dibiarkan sehingga menyebabkan tanah menjadi tidak subur. Walau bagaimanapun, menerusi KEDA, tanah tersebut telah dibangunkan semula di bawah Projek Agropolitan. Dengan tanah seluas 32 ekar milik penduduk-penduduk kampung, KEDA telah meneroka kawasan tersebut dan memutuskan untuk menjalankan penanaman padi berasaskan organik.

Idea untuk menubuhkan sebuah koperasi timbul apabila menyedari akan perlunya organisasi yang lebih

tersusun bagi membantu dalam aspek pengurusan dan pentadbiran projek. Dengan keikhlasan, kesepakatan serta kesungguhan penduduk kampung untuk bekerja bersama-sama bagi pembangunan ekonomi kampung, maka di sini lahirlah Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. Seramai sembilan orang Anggota Lembaga telah dilantik untuk memimpin koperasi ini dengan membawa harapan anggota agar kebajikan mereka dari aspek ekonomi dan sosial akan terbela.

Selaras dengan itu, Lembaga koperasi yang dipengerusikan oleh En. Zakaria Kamantasha telah berazam untuk memastikan koperasi ini akan terus mencurahkan bakti kepada anggota di samping memastikan aktiviti koperasi kekal berdaya maju. Dengan slogan "*What you give, you get back*" membakar semangat mereka untuk memajukan aktiviti pertanian bersifat mesra alam di Sri Lovely serta mampu melestarikan kehidupan sepanjang hayat.

Untuk membolehkan koperasi menjalankan aktiviti pertanian berskala besar, anggota koperasi telah bersetuju untuk memajakkan tanah milik mereka selama 15 tahun kepada koperasi. Anggota yang terlibat akan mendapat bayaran pajakan setiap tahun mengikut keluasan tanah yang dipajak. Menerusi konsep pajakan tanah ini telah dapat memberi pendapatan kepada anggota di samping menjadikan tanah lebih ekonomik.

Dari aspek latihan, pihak KEDA turut memberi peluang kepada anggota koperasi mendalami ilmu pertanian organik di luar negara. Seramai 19 orang anggota koperasi telah dipilih untuk mengikuti kursus penanaman padi secara organik di *Nagrak Organic SRI Centre* (NOSC), Indonesia. Keprihatinan pihak KEDA dalam aspek latihan kemahiran amat dihargai kerana *platform* ini telah memberi pengetahuan serta kemahiran dalam aspek penanaman padi organik menggunakan kaedah SRI kepada peserta yang



Anggota koperasi gigih mengusahakan penanaman padi organik

terlibat. Apatah lagi segala teknik yang dipelajari berupaya meningkatkan lagi momentum pengeluaran hasil padi organik di SRI Lovely.

Kelebihan Berkoperasi

Anggota Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. sedar hanya dengan penglibatan mereka dalam aktiviti koperasi akan menjamin keberlangsungan koperasi dan seterusnya memastikan aktiviti koperasi membuahkan hasil seperti yang diharapkan. Menyedari koperasi masih baharu, anggota koperasi dan ALK bersama-sama berusaha menggerakkan koperasi mengikut acuan sendiri tanpa mengabaikan prinsip dan nilai koperasi dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi. Memandangkan manfaat yang diperolehi, anggota koperasi sentiasa menyokong apa jua aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh koperasi seperti aktiviti penanaman padi organik, sayur-sayuran organik, penternakan ikan siakap organik dan yang terbaharu adalah aktiviti penternakan kelulut.

Menurut Pengerusi Koperasi, agenda membangunkan ekonomi anggota menjadi keutamaan. Ini kerana, kebanyakan anggota koperasi terdiri daripada golongan petani yang masih dibelenggu dengan masalah kemiskinan. Justeru, penubuhan koperasi di kawasan mereka dianggap sebagai satu rahmat dan menjadi pelengkap kepada kehidupan mereka. Ini dicerminkan dengan peranan koperasi menyediakan sumber makanan, mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada anggota. Antara faedah berkoperasi yang dinikmati oleh anggota adalah mereka berpeluang mencari rezeki tambahan dengan bekerja sampingan di sawah padi milik koperasi pada waktu petang kerana pada waktu pagi anggota bekerja tetap sebagai penoreh getah. Ini secara tidak

langsung dapat menambahkan pendapatan anggota untuk menyara kehidupan sekeluarga.

Anggota koperasi dilihat sangat bertuah kerana setiap kali selepas padi dituai, koperasi akan mengagihkan beras organik kepada semua anggota secara percuma. Ini merupakan satu keistimewaan kepada anggota kerana diketahui beras organik memiliki kandungan nutrien dan mineral yang tinggi serta tidak mengandungi pestisida kimia yang boleh memudaratkan kesihatan tubuh badan.

Selain itu, usaha pihak koperasi membantu kehidupan anggota jelas kelihatan apabila menyediakan kawasan untuk isteri-isteri anggota koperasi yang tidak bekerja mengusahakan aktiviti bercucuk tanam sayuran organik. Segala keperluan untuk bercucuk tanam ini disediakan oleh koperasi dan hasil sayuran organik yang diperolehi akan diagihkan kepada keluarga anggota secara percuma. Usaha murni ini dapat meringankan kos sara hidup anggota dan yang penting anggota sekeluarga dapat menikmati makanan yang bersih, sihat, selamat, dan sumber makanan itu adalah "Halalan Thoyyiba".

Inilah prinsip yang ditekankan oleh Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. yang mengutamakan aktiviti penanaman yang halal lagi suci tanpa unsur-unsur haram dan syubhah seperti firman Allah s.w.t:

"Wahai manusia makanlah apa-apa yang ada di atas muka bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut langkah-langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata"

Al-Baqarah: 28.

Amal Makruf Amalan Pertanian

Seluruh warga Koperasi Agro Belantik Sik Bhd yakin dengan membudayakan amalan pertanian berlandaskan syariat Islam yakni tidak melakukan sebarang kerosakan, kemusnahan mahupun kezaliman kepada hidupan lain di atas muka bumi ini, maka Allah s.w.t akan memurahkan rezeki umat-Nya. Maka itu, tunjang kepada amalan pertanian di SRI Lovely adalah berpandukan kepada ayat 11-12 Surah Al-Baqarah.

"Dan apabila dikatakan pada mereka : Janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi, mereka jawab: sesungguhnya kami melakukan kebaikan. Ketahuilah, bahawa sesungguhnya mereka melakukan kerosakan, akan tetapi mereka tidak sedar".

Al-Baqarah: 11-12.

Begitu juga pada ayat di dalam Surah Al-A'raaf menguatkan lagi pegangan amal makruf amalan pertanian di SRI Lovely.

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoa kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya."
(Al-A'raaf 7:56)

Dengan berlandaskan petikan ayat Al-Quran yang melarang manusia melakukan kerosakan, warga Koperasi Agro Belantik Sik Bhd telah bersepakat untuk tidak menjalankan aktiviti pertanian yang membawa kemudaratan kepada alam sekitar. Apa yang penting kepada koperasi adalah menjadi tanggungjawab mereka selaku hamba di bumi ini yang mengetahui perkara ini dilarang dengan mengambil tindakan membetulkan keadaan yang merosakkan apatah lagi setelah adanya kaedah yang boleh menggantikannya.

Justeru, berbekalkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada pihak KEDA, Lembaga Koperasi Agro Belantik Sik Bhd telah menjalankan aktiviti pertanian organik yang memfokuskan kepada penanaman padi secara organik di SRI Lovely. Kebaikan penanaman padi secara organik adalah, ia bebas daripada penggunaan sebarang bahan kimia sama ada untuk tujuan pembajaan atau untuk mengatasi serangga perosak. Ini bererti, penanaman padi secara organik tidak membawa kerosakan kepada hidupan mahupun pencemaran kepada alam sekeliling.

Menurut Persekutuan Antarabangsa Pergerakan Pertanian Organik (IFOAM), pertanian organik merupakan satu sistem pengeluaran yang mengekalkan kesihatan tanah, ekosistem dan manusia. Sistem penanaman organik juga merupakan satu sistem penanaman alternatif bagi mengatasi masalah alam sekitar.

Penanaman Padi Sri Lovely

Secara umumnya, padi atau nama saintifiknya *Oryza Sativa* adalah sejenis tanaman bijirin yang menjadi tanaman utama dan tulang belakang jaminan bekalan makanan negara yakni membekalkan makanan ruji iaitu beras kepada penduduk di Malaysia. Padi yang ditanam terbahagi kepada dua jenis iaitu padi sawah atau dikenali sebagai "padi bendang" dan "padi huma" atau "padi bukit". Padi sawah ialah jenis padi yang paling banyak ditanam kerana dapat mengeluarkan hasil yang tinggi.

Di SRI Lovely, padi yang ditanam adalah daripada padi sawah jenis MRQ-74 (beras wangi). Kaedah penanaman padi yang diamalkan pula diadaptasi daripada inovasi SRI atau "Sistem Kepadatan Padi" yang memfokuskan kepada penanaman padi secara organik.

Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. sangat bertuah kerana pihak Universiti Utara Malaysia (UUM), menerusi para penyelidik dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan telah memilih SRI Lovely untuk tujuan penyelidikan. Hasil penyelidikan ini telah membawa dimensi baharu dalam kaedah penanaman padi yang mampu meningkatkan hasil padi sebanyak dua kali ganda dan mencecah hingga lapan tan berbanding dengan enam tan sebelum ini.

Menerusi teknik yang digunakan ini, penghasilan padi untuk dituai dapat dipercepatkan sekurang-kurangnya sepuluh hari lebih awal daripada kebiasaannya. Tambahan lagi, kejayaan di SRI Lovely ini dapat dijadikan perintis kepada kaedah penanaman padi yang boleh melipatgandakan hasil padi melalui penggunaan tanah terbiar khususnya di kawasan luar bandar.

SRI- Inovasi Kaedah Penanaman Padi

SRI merupakan satu kaedah penanaman padi yang digunakan untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi berbanding kaedah biasa. SRI telah diasaskan pada tahun 1983 di Madagaskar oleh seorang lelaki berbangsa Perancis bernama Henri de Laulanie. Di seluruh dunia terdapat kira-kira 48 buah negara yang telah mengadaptasikan kaedah SRI dalam amalan penanaman padi dan memperoleh hasil yang tinggi iaitu sekitar 7-10 tan sehektar. Terdapat juga laporan dari Indonesia, India dan China yang merekodkan pencapaian hasil padi melebihi 15 tan sehektar.

Prinsip SRI

Terdapat enam prinsip penanaman padi secara SRI iaitu:

- i. Umur anak benih padi harus kurang daripada 12 hari dan biji padi mesti masih melekat semasa ditanam. Sebarang variasi padi tempatan boleh digunakan
- ii. Anak benih ditanam secara berpetak iaitu pada jarak 30cm x 30cm
- iii. Anak benih perlu ditanam secara tunggal di setiap petak dan ditanam cetek iaitu tidak melebihi satu (1) cm dalamnya

- iv. Tanah sawah hanya memerlukan air acap-acap selama 40 hari selepas menanam dan dimasukkan air tidak melebihi (2) cm dalam airnya selepas 40 hari
- v. Kerja menggemburkan tanah sawah perlu dibuat dua atau tiga kali setiap 10 hari selepas tanam. Namun begitu, empat kali adalah yang terbaik. Tujuan menggemburkan tanah ini adalah untuk membuang rumput dan mengudarakan tanah
- vi. Baja organik asas dan pencegah serangga perosak/penyakit mesra alam digunakan. Bahan-bahan yang boleh dibuat baja organik adalah seperti rebung, siput gondang, bonggol pisang

Secara umumnya, apa yang perlu dilakukan oleh petani ialah menekankan aspek penyediaan dan pengurusan tanah sawah, menanam anak padi yang muda, mengawal dan memantau paras air, kualiti tanah itu sendiri dan baka padi yang ditanam. Berikut merupakan langkah-langkah penyediaan sawah yang telah dilakukan di SRI Lovely bagi meningkatkan kesuburan tanah sawah.

Langkah-langkah Penyediaan Sawah di SRI Lovely

1. Melakukan pembajakan untuk menghancurkan dan menghaluskan tanah. Langkah ini bukan sahaja sebagai proses penyediaan tanah tetapi lebih kepada memberikan pengudaraan yang baik kepada tanah supaya tanah mengandungi udara yang secukupnya untuk penanaman padi.
2. Membahagikan tanah sawah kepada beberapa segmen iaitu plot plot-plot penanaman yang lebih kecil.
3. Memasukkan baja kompos ke dalam tanah sawah semasa melakukan pembajakan bagi membaik pulih tanah agar mencapai keseimbangan dan memberi hasil yang maksimum.
4. Meratakan tanah yang telah dibajak sebelum anak benih dipindahkan.
5. Membina batas-batas sawah mengikut prinsip Jajar Lintang yang terdapat enam *point* penanaman anak benih bagi setiap batas dan

satu ruangan antara satu batas dengan batas yang lain.

6. Membina parit di sekeliling batas sawah (dikenali sebagai Anak Jajar) dan juga parit yang melintang batas plot sawah (dikenali sebagai Parit Lintang). Kedua-dua parit air ini sangat penting untuk membekalkan air di sepanjang tempoh pertumbuhan pokok padi.
7. Anak benih yang telah disemai antara lima hingga tujuh hari akan dipindahkan ke tanah sawah.
8. Masukkan air ke dalam parit bagi membekalkan air secukupnya kepada tanah agar keperluan air oleh tanaman sentiasa mencukupi dan memenuhi keperluan pertumbuhan pokok padi yang lengkap.

Penjimatan Air

Selama ini, mungkin kita menganggap padi adalah sejenis tanaman yang perlu digenangi air untuk tumbuh dan mengeluarkan hasil. Sebenarnya, tanaman padi merupakan sejenis tanaman yang memerlukan keadaan separa berair sahaja. Menurut prinsip SRI, pokok padi merupakan sejenis tanaman yang hanya memerlukan air untuk hidup dan bukannya sejenis tanaman yang hidup dalam air.

Selama 40 hari, permukaan tanah sawah hanya memerlukan air acap-acap dan selepas itu air hanya 2 cm daripada permukaan sawah. Tanah sawah akan dikeringkan dua minggu sebelum proses penuaian. Berdasarkan kajian, kaedah SRI ini dapat menjimatkan penggunaan air di sawah sehingga 50 peratus berbanding kaedah konvensional.

Meninjau kembali di SRI Lovely, penanaman padi di situ mempunyai satu pengurusan pengairan yang sistematik. Sumber air bagi penanaman padi ialah dari air sungai dan tandop air telah dibina bagi menyalurkan air sungai tersebut ke kawasan sawah padi. Sistem pengairan tersebut menggunakan batang paip PVC yang ditanam ke dalam tanah sepanjang 1.5 kilometer. Sistem pengairan ini telah dibina pada 2010 oleh anggota koperasi. Pembinaan ini juga dibiayai sepenuhnya oleh KEDA, di bawah Projek Agropolitan Sik.

Penggunaan Kompos

Kompos adalah baja organik hasil daripada proses penguraian atau pereputan bahan organik mentah dengan bantuan pelbagai jenis mikro organisma. Memandangkan tahap kesuburan tanah sawah di SRI Lovely sangat rendah dan tidak sesuai dijadikan kawasan penanaman padi, penggunaan kompos dilihat sangat penting. Di SRI Lovely, kompos dihasilkan sendiri oleh petani. Langkah ini diambil untuk memanfaatkan bahan buangan di sekitar kawasan dan untuk meminimumkan penggunaan kos. Antara bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan kompos adalah seperti rebung, batang dan umbi pisang, kacang kayu, labu kayu, siput gondang, kangkung, sisa makanan, putik kelapa, buah-buahan dan ubi kayu.

Bagi memastikan pemberian baja kompos adalah tepat pada masa dan pada kadar yang diperlukan, satu jadual pembajaan telah disediakan. Langkah ini penting agar nutrien dalam tanah seimbang untuk pertumbuhan pokok padi.

Penghindar Serangga

Penanaman padi di SRI Lovely menggunakan cecair yang dikenali sebagai penghindar serangga organik (Organic Insect Repellent). Penghindar serangga mampu bertindak sebagai pengawal kepada masalah serangga perosak dengan hanya berasaskan penggunaan tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan tertentu seperti serai wangi, bawang putih, daun durian belanda, cili, cengkih, selasih, tembakau, halia dan daun mambu.

Bahan yang digunakan ini mempunyai sifat yang dapat menghalau serangga yang memakan atau merosakkan pokok padi sama ada dari segi rasa dan bau. Harus diingat, konsep yang digunakan ini tidak membunuh, tetapi hanya menghalau serangga dengan memberikan sesuatu yang tidak digemari oleh serangga tersebut. Penghindaran serangga menggunakan kaedah organik, dapat mengatasi serangan di peringkat awal. Langkah ini boleh mengelakkan serangan merebak kepada anak pokok yang lain.



Encik Zakaria Kamantasha Pengerusi Koperasi Agro Belantik Sik Bhd (kanan) bersama-sama dengan Dr. Kamal Ab. Hamid dari UUM di International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2012

Pencapaian

Hampir lima tahun mengusahakan penanaman padi organik secara kaedah SRI di Kampung Lintang Sik Kedah, nama Koperasi Agro Belantik Bhd. semakin meniti di bibir para penyelidik dan peminat SRI. Kunjungan demi kunjungan daripada pelbagai pihak yang berminat untuk mendalami aspek penanaman padi organik jelas menunjukkan aktiviti pertanian oleh koperasi ini menjadi salah satu tempat rujukan utama SRI di negara kita selain di Sabak Bernam, Selangor dan Kampung Tunjung, Kelantan.

Usaha ini telah diperkukuhkan lagi dengan mewujudkan Pusat Latihan Pertanian Organik (PLPO) di Kampung Lintang yang sememangnya dinantikan oleh para peminat pertanian organik. Selain memperkenalkan Kampung Lintang sebagai destinasi agropelancongan dengan menyediakan pakej hanya RM 65.00 sehari untuk seorang. Para pengunjung pasti teruja apabila berpeluang menginap di dangau (pondok) yang dibina dengan menggunakan buluh semata-mata.

Menerusi kerjasama dengan UUM, penyelidikan bertajuk *Innovation in Green Management Technology: Case in Rural Area at Kampung Lintang* dan *Soul of Soil: A Stimulant for Sustainable Paddy Plants* telah dapat dihasilkan. Kedua-dua hasil penyelidikan ini telah dibentangkan di beberapa persidangan dan berjaya meraih pingat. Antaranya merangkul pingat emas dan perak di International Invention, Innovation and Technology Exhibition pada 17-19 Mei 2012 serta pingat perak dan gangsa di *Malaysia Technology*



Beras Organik keluaran Koperasi Agro Belantik Sik Bhd

beras organik SRI MRQ-74 menjadi beras pertama mendapat sijil SOM.

Langkah untuk memperkenalkan aktiviti pertanian organik khususnya penanaman padi organik menggunakan kaedah SRI kepada gerakan koperasi telah dilaksanakan oleh pihak Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara. Antara inisiatif yang telah diambil adalah dengan mengadakan sesi perkongsian pengalaman bersama Koperasi Agro Belantik Sik Bhd pada Seminar Sektor Pertanian: Transformasi dan Hala tuju Koperasi pada 12-13 Disember 2012 dan menganjurkan Kursus Keusahawanan dalam Sektor Pertanian Organik pada 29 September -1 Oktober 2013.

Expo 2012 pada 16-18 Februari 2012. Selain itu, kisah penanaman padi organik di SRI Lovely turut dikongsi di 1st National Conference on System of Rice Intensification (SRI) pada 5-6 Julai 2011.

Kini, beras organik SRI MRQ-74 keluaran Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. sedang dalam proses bagi mendapatkan pengiktirafan Skim Organik Malaysia (SOM). SOM mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam piawaian (standard) organik negara, MS 1529:2001 The Production, Processing, Labelling and Marketing of Plant-Based Organically Produced Foods. Dengan pengiktirafan oleh SOM ini menjadikan Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. satu-satunya koperasi mendapat sijil SOM dan

Kesimpulan

Hasil padi yang tinggi tidak mustahil diperoleh melalui kaedah SRI. Itulah realitinya di SRI Lovely. Penanaman padi organik telah berjaya mencapai potensi tertinggi dalam pengeluaran hasil padinya. Ini diperkukuhkan lagi dengan kesungguhan petani yang juga merupakan anggota Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. yang mengusahakannya tanpa mengenal erti jemu. Sikap tolong menolong, bekerjasama, semangat kekitaan dan sayangkan koperasi sentiasa disemai dalam diri setiap anggotanya. Apa yang diutamakan adalah penglibatan anggota perlu diiringi dengan sikap penuh komitmen dan dedikasi terhadap semua aktiviti yang dijalankan oleh koperasi kerana maju atau mundur koperasi bergantung pada sumbangan dan penyertaan anggota.

Rujukan

- Mohd. Saiful Mohd. Sahak. UUM perkenal kaedah baharu tanaman padi. Dicapai dari <http://www.utusan.com.my>.
- Noorazimah Taharim. (n.d). *Penanaman padi cara SRI*. Shah Alam: Menteri Besar Incorporated (MBI) Selangor.
- Sabaruddin Abd Ghani (Disember 17, 2013). Sawah terbiar jadi pusat latihan. *Harian Metro*, pp.V7.
- Zakaria Kamantasha (2012, Februari 22). Koperasi Agro Belantik Sik Bhd. *Temuramah Bersemuka*. Kedah.